

Headline	Usah bimbang, bukan kejadian luar biasa		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	28 Feb 2015	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	8	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	109 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,448
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,345



Usah bimbang, bukan kejadian luar biasa

Kuala Lumpur: "Cuaca panas yang melanda negara ketika ini bukanlah sesuatu fenomena luar biasa dan keadaan itu tidak perlu dibimbangkan," kata Timbalan Pengarah Institut Lautan dan Sains Bumi, Universiti Malaya (UM) Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah.

Menurut Azizan, cuaca panas yang dialami negara ketika ini disebabkan oleh Fenomena Ekuinoks yang biasa berlaku pada Mac dan September setiap tahun.

Katanya, ia berlaku ketika seluruh permukaan bumi menerima waktu siang dan malam yang

sama panjang iaitu masing-masing 12 jam.

"Kedudukan matahari ketika itu berada tegak di garisan Khatulistiwa iaitu lokasi negara ini berada.

"Situasi bagaimanapun akan menjurus kepada sedikit peningkatan suhu, namun masih dikira normal kerana ia tidak memberi kesan besar secara keseluruhan," katanya ketika ditemui pada Bengkel Cuaca Ekstrem dan Banjir: Penyiasatan Peringkat Awal Banjir di Pantai Timur Semenanjung Malaysia di UM, di sini, se-

malam.

Kata beliau, fenomena berkenaan tidak akan membawa kepada perubahan cuaca melampau seperti yang digembar-gemburkan sesetengah pihak.

"Ekuinoks dijangka tidak beri kesan besar terhadap suhu kerana perubahan suhu banyak dipengaruhi faktor seperti pergerakan angin, hujan dan lain-lain lagi.

"Keseluruhan keadaan cuaca hari ini masih tidak terlalu ekstrem atau panas melampau, namun orang ramai dinasihatkan supaya tidak berada di luar rumah terlalu kerap," katanya.